

Sejarah populasi Sabah: impak terhadap sosioekonomi, 1960-an hingga 2000-an

ABSTRACT

Populasi di negeri Sabah telah mengalami peningkatan sejak pasca merdeka sehingga tahun 2000-an. Situasi ini mendapat perhatian daripada pelbagai pihak sehingga timbul desakan untuk membuat siasatan terhadap permasalahan tersebut. Kesannya, Royal Commission of Inquiry (RCI) dibentuk bagi menyiasat sebab berlakunya pertambahan mendadak penduduk di Sabah. Justeru kertas kerja ini akan menganalisis aspek demografi dan non-demografi bagi mengenal pasti sebab berlakunya pertambahan populasi penduduk selain kesan setelah berlakunya lebih populasi di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan pendekatan disiplin ilmu-ilmu sains sosial lain seperti sosiologi, antropologi, sains politik dan ekonomi digunakan sebagai ilmu bantu. Berdasarkan analisis yang digunakan, kajian ini mendapati berlaku lebih populasi penduduk yang ketara di Sabah sekitar 1970-an akibat daripada faktor migrasi penduduk. Lebih populasi yang berlaku menyebabkan pelbagai kesan sosial seperti kemiskinan dan jenayah yang meningkat di Sabah.